

BIL.

5

BERITA



EDISI KELIMA 2019

SEPTEMBER - OKTOBER

سبتمبر 1441 - ربيع الأول 1441م

# PASIR GUDANG

TERBITAN RASMI MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



## Anugerah LOW CARBON CITIES 2019

Menarik Di Dalam...

MPPG Raih Kejayaan Dalam International Covention On Quality Control Circle (ICQCC), Tokyo Japan

KSK MPPG Anjur Program Team Building Adventure Go Gopeng

Ceramah Perdana Sempena Port Week 2019 Pasir Gudang



## KEJOHANAN MEMANAH TERBUKA PASIR GUDANG 2019





# PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



Satu saja ungkapan yang dapat saya gambarkan iaitu syukur Alhamdulillah ke hadirat Allah SWT kerana berkat izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita berjumpa lagi pada bulan Edisi Kelima Berita Pasir Gudang (BPG). Semoga kita semakin bersyukur dengan apa yang kita perolehi pada hari ini.

Kita telah memasuki suku keempat yang juga merupakan suku terakhir bagi tahun 2019 ini. Dalam bulan Oktober ini, Kejayaan demi kejayaan terus dikecapi oleh MPPG dalam menjadi sebuah PBT yang unggul di Johor khususnya dan Malaysia amnya. Pada 30 September yang lalu, kejayaan manis telah dilakar apabila MPPG berjaya menerima penganugerahan antarabangsa *Green World Award 2019* yang disertai sebanyak lebih 500 pencalonan diseluruh dunia bagi Kategori Amalan Terbaik Alam Sekitar pada 30 September 2019 di Park Hyatt Saigon, Pool House, Hochin Minh, Vietnam.

Seterusnya MPPG telah meraih anugerah Anugerah *Low Carbon City Framework 2019* pada 9 Oktober yang lalu, yang disampaikan oleh Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) di majlis *LCCF Award Recognition Ceremony & LCCFs EmpenaInternational Green Tech and Aco Products Exhibition & Conference Malaysia 2019 (IGEM)* bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. MPPG berjaya mengurangkan penghasilan karbon sebanyak 7.02 peratus melayakkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan menerima anugerah pengiktirafan *2 Diamond (Diamond Recognition)* bagi Rangka Kerja Bandar Raya Rendah Karbon (LCCF).

Pencapaian cemerlang ini diteruskan lagi pada bulan Oktober apabila MPPG merangkul Anugerah Bandar Mampan 2018 sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2019 Peringkat Negeri Johor pada 10 oktober 2019 di Pusat Rekreasi Kolam Air Panas, Labis yang disampaikan oleh YAB Menteri Besar Johor. Seterusnya di peringkat antarabangsa, MPPG melalui kumpulan Sapphire dan Topstage telah merangkul anugerah Emas dalam *International Convention On Quality Control Circle (Iqccc)*, Tokyo Japan pada 23 hingga 26 Oktober yang lalu bertempat di Keio Plaza Hotel, Tokyo Jepun. Ini merupakan kejayaan yang cukup membanggakan MPPG selaku PBT.

MPPG turut menerima lawatan dari Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) pada 14 Oktober yang lalu. Seramai 20 orang warga kerja MAIJ telah menyertai lawatan yang dianjurkan ini yang diketuai oleh Encik Mahfiz bin Dato' Haji Mohd Rashidi, pegawai teknologi maklumat MAIJ. Seterusnya lawatan dari Jabatan Landskap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 8 Oktober yang lalu.

Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK) MPPG juga tidak terkecuali dalam menjalankan aktiviti bagi bulan Oktober ini. Biro Sosial telah menganjurkan aktiviti program Jom! Sihat yang diadakan bertempat di Taman Bandar, Bukit Layang-Layang dan disertai hampir 500 warga kerja bersama keluarga masing-masing. Program bersifat santai dan riadah ini turut mengajak warga kerja bersama keluarga masing-masing menyertai aktiviti sukan dan permainan yang diadakan. Selain itu, KSK MPPG melalui Biro Rekreasi dan Kebudayaan juga Kelab Sukan & Kebajikan MPPG di bawah Biro Rekreasi & Kebudayaan telah menganjurkan program *Adventure Team Building Go Gopeng* pada 25-26 Oktober yang lalu. Seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada warga kerja MPPG telah ikut serta dalam program tersebut yang bertempat di Sungai Gopeng Perak.

Buat pertama kalinya juga, MPPG dibawah Unit Sukan, Bahagian Sosial, Jabatan Pembangunan Masyarakat telah menganjurkan *Boisterous Skateboard Pasir Gudang 2019* di Pasir Gudang yang merupakan penganjuran bersama Persatuan Skateboard Selatan yang diadakan pada 27 Oktober yang lalu. Bertempat di Laman Ekstrem Pasir Gudang, acara sukan ini turut berjaya menarik perhatian beberapa peserta luar negara antaranya daripada Singapura dan Jepun. Kejohanan Memanah Pasir Gudang juga telah dianjurkan yang berlangsung di Lapang Sasar Memanah Majlis Perbandaran Pasir Gudang. Kejohanan yang berlangsung selama tiga hari yang bermula dari 25 hingga 7 Oktober telah menarik penyertaan daripada seluruh negeri Johor.

Bagi memperkasakan barisan kepimpinan Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Pasir Gudang, MPPG telah menganjurkan Bengkel Pemantapan dan Pemerksaan Peranan Ahli Majlis dan Pegawai MPPG pada 1 hingga 4 Oktober yang lalu bertempat di Pulau Langkawi Kedah. Seramai 21 orang termasuk Tuan Yang Dipertua, Setiausaha dan Ketua-Ketua Jabatan/Unit MPPG turut serta dalam bengkel yang diadakan. Antara objektif penganjuran bengkel ini ialah bagi memberi pendedahan kepada peserta yang hadir bagi memahami etika pegawai awam serta tadbir urus yang baik di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Akhir sekali, saya dengan rasa sukacita ingin mengucapkan 'Selamat Menyambut Hari Deepavali' kepada semua warga Pasir Gudang.

Sehingga kita berjumpa lagi dalam keluaran akan datang.

**Haji Zainor bin Adani**  
Yang Dipertua MPPG

## AJK SIDANG REDAKSI 2019

### PENASIHAT

Tuan Haji Zainor bin Adani  
Yang Dipertua MPPG

### KETUA EDITOR

Encik Sulaiman bin Ismail  
Setiausaha MPPG

### PENOLONG KETUA EDITOR

Tuan Haji Ab. Jalil bin Ab. Rahman

### PENGARANG

Encik Nik Masri bin Moharani

### PEMBERITA

Encik Basar bin Kallil  
Puan Nadztasha binti Mohd Puad

### JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin Muhamad Sayut  
Encik Muhammad Amirul Hidayat bin Mohd Fazli

## KANDUNGAN

- 3 ➤ MPPG Raih Anugerah *Green Worl Award 2019*
- 4 ➤ Anugerah *Low Carbon City Framework (LCCF) 2019*
- 5 ➤ MPPG Raih Kejayaan Dalam *International Convention On Quality Control Circle (IQCC), Tokyo, Japan*
- Bengkel Pemantapan Ahli Majlis MPPG
- 6 ➤ MPPG Raikan Warga Kerja Dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018
- 7 ➤ Program Jom! Sihat MPPG Anjuran Biro Sosial KSK MPPG
- KSK MPPG Anjur Program *Team Building Adventure Go Gopeng*
- 8 ➤ Anugerah Bandar Mampan 2018
- 9-11 ➤ Lensa Bulanan
- 12 ➤ Lawatan Majlis Agama Islam Negeri Johor
- 13 ➤ Kejohanan Memanah Terbuka Pasir Gudang
- 14 ➤ Kursus Pengurusan Penyelenggaraan Landskap: Pengurusan Catasan dan Keselamatan Di Tapak
- 15 ➤ Karnival Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Semalaysia (MALA)
- 16 ➤ Penganjuran *Boisterous Skateboard* Kali Pertama Pasir Gudang
- 17 ➤ Ceramah Perdana Sempena *Port Week 2019* Di Pasir Gudang
- 18-19 ➤ Lensa Yayasan Pasir Gudang
- 20 ➤ Info Terkini:

# THE GREEN WORLD AWARDS 2019

REGIONAL GOVERNMENT BRONZE AWARD

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

MALAYSIA



Tuan Setiausaha bergambar bersama warga kerja dan anugerah yang diterima

## MPPG RAIH ANUGERAH GREEN WORLD AWARD 2019



Sijil Penganugerahan yang diterima oleh MPPG dalam majlis yang diraikan

Kejayaan demi kejayaan terus dikecapi oleh MPPG dalam menjadi sebuah PBT yang unggul di Johor khususnya dan Malaysia amnya. Pada 30 September yang lalu, kejayaan manis telah dilakar apabila MPPG berjaya menerima penganugerahan antarabangsa *Green World Award 2019* dan disertai sebanyak lebih 500 pencalonan diseluruh dunia bagi Kategori Amalan Terbaik Alam Sekitar pada 30 September 2019 di Park Hyatt Saigon, Pool House, Hochin Minh, Vietnam.

Penyerahan anugerah tersebut telah disampaikan oleh Encik Roger Wolens, pengerusi panel penilaian pertandingan kepada Setiausaha MPPG, Encik Sulaiman bin Ismail. Penganugerahan ini turut menyumbang kepada pengukuhan prestij MPPG dalam merealisasikan matlamat untuk menjadikan Pasir Gudang sebagai bandar sejahtera seiring dengan pembangunan Bandar Karbon Rendah yang terdiri dari masyarakat yang menggunakan teknologi hijau secara lestari dan melaksanakan amalan hijau. Green World Awards merupakan anugerah dunia yang bertujuan memberi pengiktirafan kepada amalan terbaik Alam Sekitar. Ia merupakan anugerah yang tertinggi dari *Green*

*Apple Award* yang diberikan kepada organisasi, badan atau kerajaan yang ingin mengembangkan amalan yang telah mereka lakukan untuk negara mereka dimana telah memberi impak melalui amalan alam sekitar. MPPG telah menerima jemputan khas untuk menerima Anugerah "*Green World Ambassadors 2019*."

MPPG telah menghantar tiga artikel untuk penyertaan di bawah kategori iaitu dengan tajuk Inisiatif Kejiranan Hijau yang melibatkan *Stakeholder* bersama komuniti Pasir Gudang Johor Malaysia, Program Sisa Kompos di Pasir Gudang Johor Malaysia dan Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH) Pasir Gudang Johor Malaysia. Artikel yang di hantar adalah menceritakan penglibatan stakeholder yang terdiri dari pekilang, komuniti penduduk, sekolah didalam aktiviti, faedah didalam program-program yang dilaksanakan oleh MPPG untuk menjaga alam sekitar di dalam mengurangkan pelepasan karbon. MPPG di beri penghormatan untuk menerbitkan karya didalam buku rujukan tahunan dunia mengenai amalan terbaik alam sekitar, dan ia diterbitkan di laman web mereka sebagai Duta Dunia Hijau.



# ANUGERAH LOW CARBON CITY FRAMEWORK (LCCF) 2019

2019 LOW CARBON CITIES AWARDS

9<sup>th</sup> October 2019  
IGEM 2019



Yang Dipertua MPPG bergambar bersama warga kerja dan anugerah yang diterima di Majlis 2019 *Low Carbon Cities Awards*

Tarikh 9 Oktober yang lalu, begitu bermakna bagi MPPG apabila berjaya meraih kejayaan dalam Anugerah *Low Carbon City Framework 2019*. Kejayaan MPPG mengurangkan penghasilan karbon sebanyak 7.02 peratus melayakkan pihak berkuasa tempatan (PBT) MPPG menerima anugerah pengiktirafan 2 *Diamond (Diamond Recognition)* bagi Rangka Kerja Bandar Raya Rendah Karbon (LCCF).

Anugerah telah disampaikan oleh Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) di majlis *LCCF Award Recognition Ceremony & LCCF* sempena *International Green Tech and Aco Products Exhibition & Conference Malaysia 2019 (IGEM)* bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Selain dari MPPG, Majlis Daerah Mersing, Johor, PBT lain dari negeri Selangor iaitu MPSA, MPSJ, MPAJ, MPK, MP Sepang, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Majlis Daerah Hulu Selangor, Majlis Daerah Hulu Langat, PBT dari Perak Majlis Daerah Manjung. PBT dari Kedah, Majlis Perbandaran Langkawi dan Perbadanan Putrajaya turut menerima pengiktirafan dalam majlis tersebut.

Kejayaan demi kejayaan telah dicapai oleh MPPG dalam merealisasikan visi menjadi sebuah PBT yang unggul menjelang 2020. Syabas dan tahniah atas kejayaan yang di anugerahkan.

## PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN LOW CARBON CITY FRAMEWORK (LCCF)

MPPG berkomitmen untuk melaksanakan program *Low Carbon Cities Framework (LCCF)* yang telah dibangunkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dengan kerjasama *Malaysian Green Technology Corporation*. Program ini dapat membantu pengguna dalam menilai penanda aras dan membantu pihak yang terlibat mengenai strategi-strategi yang boleh dilaksanakan dalam mengurangkan tahap pelepasan karbon dalam projek-projek pembangunan dilaksanakan selari dengan misi MPPG yang memastikan segala perancangan, pengurusan dan penyampaian perkhidmatan dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berkualiti.

Objektif MPPG melaksanakan LCCF ini adalah untuk mengumpul dan menganalisa data penanda aras bagi kawasan projek LCCF, mengenalpasti "project based" LCCF di lokasi yang berbeza latarbelakang fizikal, ekonomi dan keperluan pembangunan, mengenal pasti cadangan dan strategi pendekatan berdasarkan rangka kerja perbandaran rendah karbon, untuk mengguna pakai *Kalkulator Karbon (LCCF Track)* sebagai alat mengukur prestasi pengurangan karbon / jenis karbon yang dikenalpasti dan untuk mengetahui status dan keperluan tindakan yang diambil untuk memperbaiki sasaran rendah karbon. Perlaksanaan projek LCCF dibuat mengikut zon yang dikhususkan iaitu Zon 1 Pasir Gudang LCCF. Zon yang terlibat adalah Taman Mawar, Taman Bukit Dahlia, Taman Air Biru, Taman Cendana dan Kawasan Perindustrian dalam zon tersebut.

Agenda LCCF adalah selaras dengan inisiatif menjadikan Pasir Gudang sebagai bandar sejahtera yang dibangunkan secara mampan dengan ciri-ciri persekitaran bandar hijau serta mengutamakan sistem sosial yang inklusif. Justeru, menjadi harapan MPPG dengan LCCF sebagai *indicator* pengurangan karbon perbandaran dalam jangka masa pendek dan panjang. Selanjutnya program *Low Carbon Cities Framework* menggunakan pendekatan *City Based Approach* akan diteruskan oleh MPPG dengan kerjasama *stakeholder* dan panduan dari GreenTech/Mastecc.





## MPPG RAIH KEJAYAAN DALAM INTERNATIONAL CONVENTION ON QUALITY CONTROL CIRCLE (ICQCC), TOKYO JAPAN

Majlis Perbandaran Pasir Gudang sekali lagi berjaya mencipta kejayaan di peringkat antarabangsa apabila berjaya mendapat anugerah Emas dalam *International Convention On Quality Control Circle (ICQCC)*, Tokyo Japan pada 23 hingga 26 Oktober yang lalu bertempat di Keio Plaza Hotel, Tokyo Jepun.

Kumpulan Topstage dari Jabatan Kawalan Bangunan dan kumpulan Sapphire dari Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. Kedua-dua kumpulan ini berjaya memperoleh Anugerah Emas dalam ICQCC yang diadakan. Hampir 200 buah kumpulan dari serata negara bertanding dalam konvensyen yang diadakan ini. Tahniah diucapkan kepada pasukan yang berjaya.



Kumpulan Topstage dan Sapphire bergambar bersama sebelum melakukan persembahan masing-masing



Kumpulan Sapphire bersedia membuat persembahan

## BENGGKEL PEMANTAPAN AHLI MAJLIS MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

MPPG telah menganjurkan Bengkel Pemantapan dan Pemerkasaan Peranan Ahli Majlis dan Pegawai MPPG pada 1 hingga 4 Oktober yang lalu bertempat di Pulau Langkawi, Kedah. Seramai 21 orang termasuk Tuan Yang Dipertua, Setiausaha dan Ketua-Ketua Jabatan/Unit MPPG turut serta dalam bengkel yang diadakan.

Antara objektif penganjuran bengkel ini ialah bagi memberi pendedahan kepada peserta yang hadir bagi memahami etika pegawai awam serta tadbir urus yang baik di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Taklimat telah disampaikan oleh Ketua Unit Undang-undang MPPG bagi Taklimat Undang-undang manakala taklimat Pembentangan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) disampaikan oleh Pengurus Mega Rancang.



Yang Dipertua bergambar bersama Ahli Majlis selepas sesi bengkel berakhir.



Yang Dipertua turut menghadiri sesi bengkel yang diadakan.



# MPPG RAIKAN WARGA KERJA DALAM

## *Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018*

Majlis yang diadakan setiap tahun ini merupakan satu usaha dalam menghargai jasa dan sumbangan warga kerja sepanjang setahun bertugas. Bertempat di Tanjung Puteri Golf Resort, Pasir Gudang, majlis yang dihadiri hampir 450 orang warga kerja ini berlangsung meriah sekali.

Majlis APC edisi 2018 ini cukup bermakna sekali buat seluruh warga kerja MPPG apabila menerima tetamu jemputan yang sudi hadir merasmikan majlis sekaligus meraikan kejayaan warga kerja, iaitu YB Dato' Haji A Rahim bin Nin, Pegawai Kewangan Negeri Johor yang juga merupakan mantan Yang Dipertua MPPG dari tahun 2009 hingga 2011. Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zainor bin Adani, seterusnya ucapan perasmian oleh YB Dato' Haji A. Rahim bin Nin.

Seramai 28 orang warga kerja telah di pilih Menerima Anugerah Khidmat Cemerlang (APC) manakala 44 orang pula telah menerima Sijil Penghargaan (SP). Majlis pada petang itu juga turut meraikan empat orang warga kerja yang telah bersara iaitu Puan Hajah Norliha binti Bilah, Tuan Haji Abd Aziz bin Mohd Som, Encik Ariffin bin Kamis dan Tuan Haji Samsuri bin Adam. Seterusnya penyampaian cenderahati kepada warga kerja yang telah berkhidmat selama tempoh 25 tahun dan 30 tahun juga turut diraikan dalam majlis ini.

Hadir sama dalam majlis ini, Setiausaha MPPG, Encik Sulaiman bin Ismail serta ketua-ketua jabatan MPPG serta pegawai-pegawai MPPG. Majlis berakhir dengan jamuan minum petang dan sesi cabutan nombor bertuah.



Ucapan perasmian oleh YB Dato' Haji Rahim bin Nin, Pegawai Kewangan Negeri Johor.



Empat orang warga kerja yang menerima cenderahati sempena persaraan pada tahun 2019 turut diraikan



# PROGRAM JOM! SIHAT

MPPG ANJURAN BIRO SOSIAL KSK MPPG



Aktiviti senamrobik turut diadakan

MPPG kekal meneruskan aktiviti sihat dikalangan warga kerjanya apabila buat pertama kalinya menganjurkan program Jom! Sihat. Program anjuran Biro Sosial Kelab Sukan dan Kebajikan MPPG ini diadakan bertempat di Taman Bandar, Bukit Layang-Layang dan disertai hampir 500 warga kerja bersama keluarga masing-masing.



Minuman Milo percuma turut disediakan oleh pihak penganjur.



Antara warga kerja yang menyertai aktiviti larian yang dianjurkan, Puan Noraini Osman bersama anak-anaknya.

Program dimulakan seawal jam 7.30 pagi dengan aktiviti larian sejauh dua kilometer bersama keluarga. Antara aktiviti lain yang dijalankan ialah senamrobik, sukaneka kanak-kanak seperti acara kanak-kanak bawa bolapingpong dalam sudu, jalan menggunakan tempurung, dan pelbagai lagi serta aktiviti sukan *explorace game*. Selain itu, warga kerja juga boleh mendapatkan minuman Milo Percuma yang disediakan. Sesi penyampian hadiah telah disampaikan oleh Timbalan Pengerusi Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK) MPPG, Encik Syafiq Hanis bin Hamli.



Antara aktiviti sukaneka kanak-kanak yang turut memeriahkan program Jom! Sihat yang dianjurkan



Program berakhir kira-kira jam 11.00 pagi. Seorang warga kerja dari Unit Korporat dan Perhubungan Awam (UKPA),

Puan Noraini Osman berkata "Program Jom! Sihat ini adalah program yang menggalakkan warga kerja supaya sentiasa aktif dan bersukan walaupun sibuk dengan tugas kerja pejabat. Selain itu, program ini juga lebih kepada aktiviti riadah bersama keluarga dan perlu diteruskan pada masa akan datang."

## KSK MPPG ANJUR PROGRAM TEAM BUILDING ADVENTURE GO GOPENG



Peserta begitu teruja mencuba aktiviti *water tubing* yang dianjurkan

Kelab Sukan & Kebajikan MPPG di bawah Biro Rekreasi & Kebudayaan telah menganjurkan program *Adventure Team Building Go Gopeng* pada 25-26 Oktober yang lalu. Seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada warga kerja MPPG telah ikut serta dalam program tersebut yang bertempat di Sungai Gopeng Perak.

Antara aktiviti yang diadakan ialah *water rafting*, *water abseiling*, *water tubing*, *sunset hiking* dan aktiviti perkhemahan. Objektif penganjuran program ini adalah bagi melahirkan warga kerja yang mempunyai semangat dalam kerja berpasukan disamping memberi pendedahan kepada aktiviti-aktiviti lasak yang menguji stamina serta fizikal warga kerja.

Seorang peserta Nora Affira binti Saidi berkata, "Program seperti ini memberi saya pendedahan dan pengalaman baru terutama sekali mencuba aktiviti di dalam air seperti *water rafting* dan *water tubing*. Diharapkan program seperti ini dapat dianjurkan lagi oleh KSK MPPG pada masa akan datang."



Bergambar bersama selepas tamat aktiviti *sunset hiking* di Bukit Putih, Gopeng Perak





Yang Dipertua bergambar bersama anugerah kemenangan dan pasukan MPPG yang terlibat dalam menghasilkan kejayaan yang dicapai

# ANUGERAH Bandar Mampan 2018

**B**ULAN OKTOBER menjadi memori yang indah kekal terlakar dalam kalender kejayaan MPPG apabila sekali lagi meraih kejayaan di peringkat negeri Johor dengan menerima Anugerah Bandar Mampan 2018 sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2019 Peringkat Negeri Johor pada 10 Oktober 2019, di Pusat Rekreasi Kolam Air Panas, Labis.

Melalui Program Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar - Luar Bandar Malaysia (MURNInets) dan data yang telah dikumpul, MPPG telah memperolehi 96% dan menerima sijil penghargaan oleh YAB Menteri Besar Johor. Data murninet merupakan pengkalan data yang diuruselia oleh Jabatan Perancang Bandar dan Landskap MPPG. Perolehan data adalah melalui kaedah data primer dan data sekunder. Data primer adalah data yang diperolehi langsung dari sumber asli atau pertama.

Data primer juga merupakan sumber yang tepat. Pengumpulan data primer ini dilakukan dengan menjalankan soalselidik ke atas responden dengan melibatkan beberapa instrumen kajiselidik iaitu soal-selidik melalui borang soalselidik (*questionnaire*), temubual (*face-to-face interview*) dan pemerhatian (*observation*).



Tuan Haji Zainor Bin Adani (Tuan YDP MPPG) menerima hadiah Anugerah Bandar Mampan dari YAB Menteri Besar Johor



# ENSA BULANAN

PROGRAM LAWATAN SAMBIL BELAJAR PESERTA KURSUS FIRE SAFETY TECHNICIAN SIRI 24/19 DARI INSTITUT LATIHAN PENGURUSAN RUANG ANGKASA (INSRA) KUANTAN PAHANG

4 SEPTEMBER 2019



Delegasi bergambar bersama selepas sesi taklimat famat.

## MAJLIS APRESIASI BERSAMA YAB MENTERI BESAR DAN ISTERI

8 SEPTEMBER 2019



YAB Menteri Besar bersama isteri dalam sesi bersama masyarakat di Pasir Gudang



## LAWATAN PENANDAARASAN MENGENAI PENJAGAAN ALAM SEKITAR DI KAWASAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU (MBJB), MAJLIS PERBANDARAN KULAI DAN MAJLIS DAERAH PONTIAN

12 SEPTEMBER 2019



Delegasi lawatan diberikan taklimat Penjagaan Alam Sekitar oleh Jabatan Kesihatan Awam MPPG



## MAJLIS PERPISAHAN EN HALIM BIN NASARUDDIN

30 SEPTEMBER 2019



Penyampaian cenderahati dari Tuan Yang Dipertua kepada En Halim bin Nasaruddin. Pegawai Jabatan Kewangan MPPG



**OKTOBER  
2019**

**PERHIMPUNAN BULANAN OKTOBER 2019**



Sesi meraikan ulang tahun warga kerja yang lahir pada bulan September



**6 OKTOBER  
2019**

**TAKLIMAT KUMPULAN WANG PERSARAAN (KWAP)  
DAN PERSEDIAAN AWAL SEBELUM PERSARAAN**



En Muhammad Syukran bin Mat Rofa, Ketua Penolong/Pengarah Bahagian Pesaraan dan Terbitan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dijemput bagi memberikan taklimat

**8 OKTOBER  
2019**

**LAWATAN DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (DBKL)**



Penyampaian taklimat oleh Puan Zanariah binti Kadir, Ketua Bahagian Landskap MPPG.



**13 OKTOBER  
2019**

**PROGRAM SAMBUTAN BULAN KESIAPSIAGAAN BENCANA  
PERINGKAT NEGERI JOHOR**





**TAKLIMAT KEPADA TUAN SETIAUSAHA BARU MPPG  
TUAN HAJI ABDUL HAKIM BIN ABD MANAP**

**15 OKTOBER  
2019**



Tuan Setiausaha baru MPPG, Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd. Manap mendengar sesi taklimat setiap jabatan di MPPG.

**PERLAWANAN AKHIR LIGA JBFA FA CUP 2019  
MPPG SC VS JMF FC**

**15 OKTOBER  
2019**



Pasukan MPPG SC bergambar bersama hadiah kemenangan apabila dinobatkan sebagai Johan Liga JBFA, FA CUP 2019



**SEMINAR KESELAMATAN, KESIHATAN, PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR**

**24-25 OKTOBER  
2019**



Majlis dirasmikan oleh YB Mohd Khuzzan bin Abu Bakar Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan Negeri Johor selaku wakil rasmi YAB Menteri Besar Johor.

**MESYUARAT AGUNG PERSATUAN PELAYANG NEGERI JOHOR 2019**

**27 OKTOBER  
2019**



Barisan kepimpinan Persatuan Pelayang Johor bagi sesi 2020/2021







Delegasi MAIJ bergambar bersama selepas sesi taklimat berakhir

# LAWATAN

## MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR



MPPG telah menerima lawatan dari Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) pada 14 Oktober yang lalu. Seramai 20 orang warga kerja MAIJ telah menyertai lawatan yang dianjurkan ini yang diketuai oleh Encik En. Mahfiz bin Dato' Haji Mohd Rashidi, pegawai teknologi maklumat MAIJ.

Antara aturcara lawatan, taklimat sesi pengenalan Majlis Perbandaran Pasir Gudang, sesi taklimat berkaitan Sistem Kewangan MPPG dan sesi penerangan mengenai sistem e-kontrak yang diguna pakai oleh Bahagian Kontrak, Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

Majlis berakhir dengan sesi penyampaian pertukaran cenderahati dan sesi fotografi. Semoga perkongsian yang diberikan ini, serba sedikit memberi input dan pengetahuan kepada jabatan berkaitan di Majlis Agama Islam Negeri Johor kelak.



# KEJOHANAN MEMANAH TERBUKA PASIR GUDANG



Juri memeriksa nilai markah di atas papan sasaran (target/buff) selepas peserta melepaskan busur (bow).



MPPG berjaya meneruskan kecemerlangan dalam aktiviti penganjuran sukan apabila buat pertama kalinya menganjurkan Kejohanan Memanah Terbuka Pasir Gudang 2019 yang berlangsung di Lapang Sasar Memanah Majlis Perbandaran Pasir Gudang. Kejohanan yang berlangsung selama tiga hari yang bermula dari 25 hingga 27 Oktober telah menarik penyertaan daripada seluruh negeri Johor yang terbahagi kepada 2 kategori iaitu *Recurve* Kanak-Kanak Lelaki dan Perempuan berusia bawah 12 tahun dan *Barebow* Terbuka. Pihak Urusetia telah melantik Persatuan Memanah Negeri Johor yang mempunyai kepakaran mengenai *Tournament* Memanah peringkat Nasional.

Antara objektif penganjuran kejohanan memanah ini ialah, bertujuan untuk memberi pengalaman dan pendedahan kepada peserta mengenai cara sebenar *World Archery*, mengeratkan hubungan komuniti memanah di Pasir Gudang, menganjurkan kejohanan untuk warga kerja Pasir Gudang serta bersaing menguji kemampuan di samping menggalakkan pembangunan sukan sunnah dikalangan masyarakat. Kejohanan ini juga turut menyediakan Klinik Asas Teknik Memanah kepada mereka yang baru berjinak dalam suka memanah.

Hari pertama kejohanan dimulakan dengan sesi pendaftaran dan sesi latihan kepada para peserta. Seterusnya, pada keesokan hari pula, pertandingan dijalankan bagi semua kategori. Manakala pada hari terakhir pertandingan akhir perlawanan telah diadakan bagi setiap kategori.

Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh Puan Hajah Rahamah binti Mahmood, Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat MPPG selaku wakil rasmi kepada Yang DiPertua. Seterusnya program diakhiri dengan sesi bergambar bersama peserta.

Johan kategori *Recurve* Bawah 12 Tahun, adik Muhammad Daniel Adlan berkata, "Ini adalah merupakan pengalaman baru apabila saya berpeluang menyertai kejohanan di tempat sendiri, kawasan lapang sasaran ini juga merupakan tempat latihan saya dan saya begitu serasi dan selesa apabila melepaskan busur serta membuat sasaran mata yang diinginkan.

Peserta yang mengambil bahagian dalam kategori masing-masing







Bergambar beramai-ramai di kawasan tapak seminar diadakan

# KURSUS PENGURUSAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP : PENGURUSAN CANTASAN DAN KESELAMATAN DI TAPAK

Kursus yang diadakan pada 3 hingga 5 September di anjurkan oleh Bahagian Landskap MPPG bertempat di Renaissance Hotel Johor Bahru adalah bagi memberikan input ilmiah kepada semua penggiat landskap dan semua kontraktor yang terlibat secara langsung dengan kerja-kerja penyelenggaraan dan cantasan pokok di kawasan Majlis Perbandaran Pasir Gudang. Program ini juga dibuka kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta terutamanya JKR, TNB, SAJ, JPS dan TELEKOM dengan harapan penglibatan mereka akan memudahkan penyelarasan kerja dan memberi kefahaman mendalam tentang kaedah-kaedah cantasan terbaik dan berkesan.

Kursus ini bertujuan mempertingkatkan pengetahuan serta memperbetulkan persepsi umum tentang cara dan amalan terbaik bagi kerja-kerja cantasan dan meningkatkan nilai serta aspek pengurusan aset hidup khususnya di kawasan MPPG. Kursus ini juga



adalah merupakan prasyarat kepada pemborong bagi mendapatkan kontrak bagi kerja-kerja mencantas dan menebang pokok yang ditawarkan di Majlis Perbandaran Pasir Gudang pada masa akan datang.

Antara objektif penganjuran kursus ini ialah bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pemborong Landskap yang menjalankan kerja-kerja cantasan di dalam kawasan MPPG, memberikan penerangan serta tip-tip yang betul dan terkini dengan terperinci mengenai kaedah cantasan yang tidak memberi mudarat kepada pokok serta manusia yang berada di sekitarnya, meletakkan satu garis panduan yang jelas mengenai kerja-kerja cantasan yang akan diterima pakai di MPPG agar ia dapat difahami dengan nyata oleh pemborong-pemborong yang menjalankan kerja-kerja cantasan dan memberikan satu pendedahan dan pendekatan baru khususnya kepada semua pegawai teknikal yang terlibat di dalam bidang ini tentang amalan terbaik di dalam mengawal selia pertumbuhan pokok di kawasan seliannya.

Taklimat telah disampaikan oleh LAr. Dr. Mazifah Binti Simis (Abr.) dari Jabatan Landskap Negara dan Encik Afendi Bin Hussin (Abr.) dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia. Setiap peserta yang berjaya menamatkan kursus ini juga Peserta dari PBT akan dianugerahkan sijil setelah selesai menamatkan kursus Pemborong akan diberikan sijil Kelayakan Kerja-Kerja Mencantas dan Menebang Pokok Utama di Majlis Perbandaran Pasir Gudang bagi tempoh 2 Tahun bermula tarikh kerja 1 Januari 2020 - 31 Disember 2021.



Taklimat disampaikan oleh penceramah jemputan.







Acara penyerahan bendera MPPG sebagai simbolik penyertaan pasukan afflit MPPG ke sukan MALA 2019



Para afflit bergambar di malam perasmian sukan MALA

# KARNIVAL SUKAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN SEMALAYSIA (MALA)

DI MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH,  
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM DAN  
MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Penyertaan kontinjen Majlis Perbandaran Pasir Gudang ke Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia telah memberikan keputusan yang memberangsangkan. Karnival Sukan PBT SeMalaysia ini telah di anjurkan secara 2 pusingan iaitu di Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah yang melibatkan sukan seperti Bola Sepak, Badminton, Boling, Dart dan Hoki 7 sebelah. Manakala pusingan yang seterusnya, dianjurkan secara bersama oleh Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Klang yang melibatkan sukan Karom, Ping Pong, Futsal, Golf dan Sepak Takraw.

Pada penyertaan kali ini atlet-atlet MPPG telah mencatatkan keputusan sepertimana berikut :



Pasukan Bola Sepak MPPG bersiap sedia sebelum perlawanan bermula



MPPG turut serta dalam sukan hoki yang di pertandingan

### Sukan MALA di MBMB KEPUTUSAN

1. Boling - Mohd Faizal - Rabiatul Adawiyah - Nurul Atikah	• Johan
2. Bola Sepak	• Pusingan ke-2
3. Dart	• Pusingan ke-2
4. Hoki 7 sebelah	• Tempat ke-7
5. Badminton	• Peringkat kumpulan

### Sukan MALA di MBSA dan MPK KEPUTUSAN

1. Karom	• Suku Akhir
2. Sepak Takraw	• Pusingan ke-2
3. Ping Pong	• Peringkat Kumpulan
4. Futsal	• Peringkat Kumpulan
5. Golf - En. Waidi bin Hussein (tempat ke-20 keseluruhan 66 orang peserta) - Tn. Hj Sharif bin Idros (tempat ke-31 keseluruhan daripada 66 orang peserta)	

Tahniah dan syabas diucapkan kepada barisan atlet yang mewakili MPPG dalam acara sukan yang dianjurkan. MPPG mampu membuktikan bahawa kejayaan boleh dicapai dalam segala aspek dan ruang termasuk dalam bidang sukan yang menjadikan MPPG sebagai PBT yang disegani dan setanding PBT lain.





Antara aksi lincih peserta yang bertanding dalam Kategori Terbuka.

# PENGANJURAN BOISTEROUS SKATEBOARD

## KALI PERTAMA DI PASIR GUDANG

*Boisterous Skateboard* Pasir Gudang 2019 pertama kali diadakan di Pasir Gudang yang merupakan penganjuran bersama Majlis Perbandaran Pasir Gudang dengan kerjasama Persatuan Skateboard Selatan yang diadakan pada 27 Oktober yang lalu. Bertempat di Laman Ekstrem Pasir Gudang, acara sukan ini turut berjaya menarik perhatian beberapa peserta luar negara antaranya daripada Singapura dan Jepun.

Selain pertandingan yang dianjurkan, *Boisterous Skateboard* Pasir Gudang juga menyediakan klinik asas skateboard kepada mereka yang berminat. Penganjuran kali ini mempertandingkan dua kategori iaitu amatur dan terbuka. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Encik Abdul Syukur bin Ayub, wakil rasmi kepada YB Tuan Haji Hassan bin Abdul Karim, Ahli Parlimen Pasir Gudang. Di samping itu juga, penganugerahan kepada *best trickster* turut disediakan.

Bil	Kategori Terbuka	Hadiah (RM)
1.	Mohd Anuar bin Jamil (Johor)	500.00
2.	Syed Qadeem Hayyan (Selangor)	400.00
3.	Muht Taufiq Mustakim bin Mohd Khir (Johor)	300.00

Bil	Kategori Amatur (Bawah 18 Tahun)	Hadiah (RM)
1.	Kikujiro Nakamura (Jepun)	300.00
2.	Putra bin Suryadi (Johor)	200.00
3.	Mohamad Danish bin Mohd Zain (Johor)	100.00

Bil	Best Trick	Hadiah (RM)
1.	Mohd Amir Danial bin Kamal Azudin (N. Sembilan)	300.00



Mohd Anuar Jamil dinobatkan sebagai johan bagi kategori Terbuka.





# CERAMAH PERDANA SEMPENA **PORT WEEK 2019** **PASIR GUDANG**



Yang Berbahagia, Prof. Madya Dato'  
Dr. Mohd Izhar Ariff bin Mohd Kashim  
dalam sesi ceramah  
yang diadakan.



Antara tetamu yang hadir, YB. Dato' Che Zakaria bin Mohd Salleh  
ADUN Permas

Satu ceramah sempena *Port Week 2019* telah diadakan di Atrium Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang. Program anjuran Lembaga Pelabuhan Johor dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pasir Gudang dan UTC Pasir Gudang ini telah diadakan pada 17 Oktober lalu yang disertai hampir 1,000 masyarakat dan orang awam sekitar Pasir Gudang.

Ceramah telah disampaikan oleh Yang Berbahagia, Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Izhar Ariff bin Mohd Kashim. Antara tetamu yang hadir dalam program ini, YB. Dato' Che Zakaria bin Mohd Salleh ADUN Permas serta Ahli-Ahli Majlis, MPPG. Antara intipati ceramah adalah berkisar mengenai amanah dan tanggungjawab dalam melakukan pekerjaan seharian dan tanggungjawab sebagai seorang pekerja disisi agama Islam.

Program berakhir pada jam 10.30 malam dengan jamuan ringan yang disediakan oleh pihak penganjur. Semoga aktiviti keagamaan seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.



Ribuan tetamu yang hadir dalam penyampaian  
ceramah yang diadakan





20 OKTOBER 2019



## **Majlis Perasmian Program Love My School Bursary 2019 Majlis Penyerahan Sumbangan Kemasukan IPTA / IPTS Fasa 3/2019**

Program ini merupakan program bagi menghargai pelajar yang cemerlang dan melanjutkan pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di IPTA dan IPTS sepenuh masa dalam Malaysia. Latar belakang keluarga pelajar yang menerima adalah dalam golongan B40. Penyerahan sumbangan tersebut telah disampaikan oleh En. Syed Othman bin Abdullah, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pasir Gudang. Seramai 57 orang pelajar menerima manfaat daripada bantuan ini. Setiap pelajar menerima sumbangan tunai bernilai RM300 sumbangan Yayasan Pasir Gudang.

20 OKTOBER 2019

## **Majlis Penyerahan Sumbangan Perayaan Deepavali 2019 Sempena Rumah Terbuka Deepavali DUN Tiram**

Program ini juga merupakan program jemputan daripada YB Gopalakrishnan bagi meraikan bersama-sama masyarakat di Pasir Gudang yang menyambut perayaan Hari Deepavali. Penyerahan sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Hj. Osman bin Sopian, ADUN Kempas. Seramai 40 orang penerima YPG dari 8 buah Zon yang berada dalam kawasan DUN Tiram berbangsa India telah menerima sumbangan tersebut. Setiap penerima menerima sumbangan barangan keperluan asas bernilai RM100 dan sumbangan tunai bernilai RM100 sumbangan Yayasan Pasir Gudang.



21 OKTOBER 2019

## Majlis Penyerahan Sumbangan Perayaan Deepavali 2019 Sempena Rumah Terbuka Deepavali DUN Tiram

Program ini juga merupakan program tahunan bagi meraikan bersama-sama masyarakat di Pasir Gudang yang menyambut perayaan Hari Deepavali. Penyerahan sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh Y.B. Cik Liow Cai Tung, Pengerusi Yayasan Pasir Gudang. Seramai 160 orang penerima telah menerima sumbangan tersebut. Setiap penerima menerima sumbangan barangan keperluan asas bernilai RM100 dan sumbangan tunai bernilai RM100 sumbangan Yayasan Pasir Gudang.







# INFO TERKINI

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



## Muzium Layang-Layang Kite Museum

Muzium Layang-Layang Pasir Gudang merupakan muzium layang-layang pertama di Malaysia. Berdiri megah di Bukit Layang-Layang, kewujudan muzium ini adalah sebagai satu tanda penghargaan terhadap sumbangan para pelayang di Malaysia dan diperingkat global. Berbekalkan kesedaran dan wawasan untuk memartabatkan pusaka bangsa ini disamping menghargai hasil kerja yang disumbangkan, maka pihak Majlis Perbandaran Pasir Gudang dengan kerjasama Majlis Pelayang Malaysia dan Persatuan Pelayang Johor telah merealisasikan impian tersebut dengan terbinaanya Muzium Layang-Layang Pasir Gudang pada bulan Februari 2002 ketika berlangsungnya Festival Layang-Layang Antarabangsa Pasir Gudang Yang ke-7. Mula dibuka kepada orang ramai pada 9 Februari 2002.



Dibuka setiap hari dari 9.00ptg - 5.00ptg  
Jumaat 9.00ptg - 12.15tgh / 2.45ptg - 5.00ptg



## Pasir Gudang Kraf

Pasir Gudang Kraf menghasilkan produk seramik menggunakan teknik 'Under Glaze'.

Keunikan produk Pasir Gudang Kraf terserlah oleh konsep yang eksklusif bermotifkan seni khat kaligrafi islam yang dihasilkan dengan lukisan tangan dan corak kotemporari bermotifkan alam semulajadi, batik dan songket.

Pasir Gudang Kraf juga menyediakan jualan cenderamata seramik untuk pengunjung yang hadir.



Masuk adalah PERCUMA



Dibangunkan di dalam kawasan hutan paya bakau dan terletak bersebelahan dengan Pelabuhan Tanjung Langsat. Terletak 18 km dari Pusat Bandar Pasir Gudang, 45 km dari Johor Bahru merupakan sebuah pusat ekopelancongan mesra alam dengan konsep utamanya sebagai Santuari Buaya Tembaga yang mampu menempatkan dan mempamerkan lebih 500 ekor buaya dari pelbagai saiz dan peringkat umur di dalam 6 buah kolam khas yang dibina.

Buaya Tembaga merupakan spesies buaya tempatan yang hampir pupus serta dilindungi sepenuhnya oleh Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

Sarang Buaya juga mempunyai keunikannya tersendiri kerana struktur binaan kolam yang menyerupai tapak kaki.

Santuari Buaya Tembaga mula dibuka kepada orang ramai pada 9 februari 2009.

Dibuka setiap hari dari 9.00ptg - 5.00ptg  
Jumaat : 9.00ptg - 12.00tgh / 2.45ptg - 5.00ptg



### SALURAN ADUAN MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

 <b>TELEFON</b> 07-254 7777	 <b>FAKS</b> 07-251 5260	 <b>EMEL</b> mppg@johor.gov.my	 <b>SKUAD TINJAU</b> 013-377 1710
--	---	--	--

UNTUK BERITA DAN INFORMASI LAYARI

 Majlis Perbandaran Pasir Gudang & Yang Dipertua MPPG